

BH PILIH 30A 8 (emel)

Sindiket pintas panggilan telefon mangsa dikesan

BATU-PAHAT: Satu sindiket penipuan berteknologi tinggi dikesan mampu memintas panggilan telefon mangsa yang menghubungi Bank Negara, Bukit Aman dan beberapa pusat kewangan komersial negara bagi membuat pertanyaan, sehingga menyebabkan kerugian selain menjejaskan keselamatan negara.

Dalam beberapa kes dilaporkan di daerah ini, mangsa yang dihubungi sindiket berkenaan menerusi panggilan telefon menyatakan penggunaan kad kredit mangsa sudah melebihi had dan ia merekodkan

perbelanjaan yang dibuat di luar negara.

Mangsa yang terperanjat dan tidak berpuas hati kerana tidak melakukan transaksi sedemikian, kemudian disarankan supaya menghubungi Bank Negara, Bukit Aman serta bank yang menguruskan kad kredit mereka bagi menyelesaikannya masalah berkenaan.

Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Komisioner Ibrahim Mohd Aris berkata, sindiket berkenaan akan memberikan mangsa nombor talian sebenar agensi berkenaan menyebabkan

mangsa yakin serta menghubungi talian berkenaan. "Bagaimanapun, apabila panggilan dibuat mangsa,

FAKTA NOMBOR

27
kes

Dilaporkan tahun ini babitkan kerugian RM30,000

10
kes

babitkan kerugian sebanyak RM9,500 pada tahun lalu

panggilan itu akan dipintas sindiket berkenaan yang menyamar sebagai petugas daripada Bank Negara, Bukit Aman atau bank kad kredit yang kononnya bersedia membantu menyelesaikan masalah dihadapi mangsa.

"Mangsa kemudian diminta mengeluarkan seluruh baki wang di dalam akaun mereka ke satu akaun yang ditetapkan kononnya bagi tujuan keselamatan serta mengelakkan wang berkenaan dirampas bagi menyelesaikan hutang kad kredit berkenaan.

"Mangsa yang panik

mengikut arahan sindiket berkenaan tanpa disedari sebenarnya mereka sudah diperdaya. Dipercayai sindiket ini didalangi warga negara asing yang menggunakan peralatan komunikasi canggih," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Ibrahim berkata, sebanyak 27 kes seumpamanya dilaporkan tahun ini membabitkan kerugian melebihi RM30,000.

"Ia adalah peningkatan ketara berbanding hanya 10 kes membabitkan kerugian sebanyak RM9,500 pada tahun lalu," katanya.